

02 OCT 2003

TV1 SIAR RAKAMAN SIDANG MEDIA DR MAHATHIR DI PBB SABTU INI

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Rakaman persidangan media Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menyampaikan ucapan pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York minggu lepas akan disiarkan oleh TV1, Sabtu ini.

Jurucakap Kementerian Penerangan berkata rancangan itu akan disiarkan pada pukul 9 malam selepas siaran Berita Utama.

Dr Mahathir pada Khamis lepas telah menyampaikan ucapan terakhirnya di PBB sebelum bersara dari memimpin negara pada hujung bulan ini.

Dalam ucapannya di PBB, Dr Mahathir telah membidas kegagalan PBB untuk memainkan peranan membantu negara yang lemah dan miskin, dan mencadangkan kuasa veto yang dipegang oleh lima negara kuasa besar dimansuhkan kerana didapati tidak demokratik.

-- BERNAMA

HK HK MOZ